



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217 03 – 8870 2253 Faks : 03 – 8888 6051 (KP), 03 – 8888 0579
E-mail : pro@dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

Oleh;

Y.H. DATO' DR. ABD. AZIZ JAMALUDDIN

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

13 Oktober 2010 (Rabu)

ISU DAGING BABI YANG DIIMPORT

1. Penternakan babi dilaksanakan di negara ini bagi menghasilkan pengeluaran daging babi untuk memenuhi keperluan tempatan. Industri ini telah berkembang di mana negara telahpun mencapai tahap sara diri (*self sufficiency level - SSL*) melebihi 96% sejak tahun 2006. Dasar pengeluaran daging babi dalam negara adalah untuk memenuhi keperluan penggunaan dalam negara.
2. Bagi memastikan aktiviti penternakan babi di negara ini mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian, JPV telah melaksanakan program pemantauan dan pengawalan di peringkat ladang iaitu:
 - (i) menggalakkan ladang-ladang mengamalkan Sistem Perladangan Baik (GAHP);
 - (ii) ladang ternakan babi diakreditasi dan diberi sijil Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT); dan
 - (iii) pemantauan penggunaan ubatan terlarang melalui pengambilan sampel air kencing, makanan ternakan dan air minuman. Pensampelan dilaksanakan secara berjadual dan semua ladang dimestikan mengambil bahagian.

3. JPV turut melakukan pemantauan *Biological Oxygen Demand* (BOD) di kesemua ladang babi di Malaysia bagi memastikan air sisa/efluen yang dikeluarkan oleh ladang babi tidak menyebabkan pencemaran alam sekitar. Pada tahun 2009, sejumlah 567 ladang babi telah dianalisa. Didapati sebanyak 469 (82.7%) ladang babi melepaskan efluen <50 ppm BOD, manakala 98 (17.3%) ladang babi melepaskan efluen >50 ppm BOD termasuk 5 ladang melepaskan efluen yang tidak diolah – *Direct discharge*.
4. Kerajaan juga telah melaksanakan langkah-langkah bagi memantapkan pengurusan ladang penternakan babi dengan memperkenalkan konsep pelaksanakan pembangunan *Pig Farming Area* (PFA) di Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah dan *Modern Pig Farming* (MPF) di lain-lain negeri.
5. Bagi penggunaan Beta Agonist, JPV telah merangka program untuk memantau penggunaannya secara menyeluruh iaitu melibatkan semua ladang babi di Semenanjung Malaysia. Program ini dijalankan sekurang-kurang dua kali setahun secara berjadual dengan kerjasama Persekutuan Persatuan Penternak-penternak Malaysia (FLFAM) di semua ladang babi manakala program pemantauan secara rawak dilakukan oleh JPV Negeri sekurang-kurangnya sekali setahun.
6. Secara keseluruhannya bilangan ladang yang didapati positif Beta Agonist didapati berkurangan dari tahun 2008 hingga 2010. Pada tahun 2009, hanya 6 ladang yang positif kepada Beta Agonist iaitu 1 ladang positif pada program pertama (Jun 2009) dan 5 ladang positif pada program kali kedua (Nov 2009). Walaubagaimanapun terdapat satu ladang yang telah diarahkan kuarantine selama 90 hari kerana didapati positif kali kedua iaitu selepas menjalani kuarantine kali pertama.
7. Negara telah membuka pengimportan daging babi beku untuk menstabilkan semula harga daging babi di pasaran tempatan yang semakin meningkat setiap tahun. Sehingga kini, JPV telah meluluskan 16 buah syarikat untuk mengimport

daging babi beku dengan jumlah keseluruhan 2,750 metrik tan dari abatoir luar negara yang telah diluluskan oleh Jabatan. Walaubagaimanapun, hanya 10 buah syarikat yang mengimport daging beku dengan jumlah keseluruhan 1,600 tan metrik. Pengimportan ini akan menyediakan pilihan kepada pengguna dari aspek kualiti dan harga. JPV sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan kualiti dan kuantiti daging babi yang diimport dikawal rapi agar industri babi di Malaysia tidak terjejas.

8. Pengimportan daging babi ini hanyalah 1.87% daripada pengeluaran negara. Pada tahun ini dijangka berlaku sedikit kekurangan dalam pembekalan daging babi di pasaran tempatan. Jumlah pengeluaran daging babi adalah 246,545 tan metrik. Kekurangan bekalan daging babi ini akan ditampung melalui pengimportan dari negara luar. Jumlah import antara bulan Januari hingga Ogos 2010 adalah sebanyak 4,610 tan metrik iaitu dari negara China 320 tan metrik, Thailand 48 tan metrik dan negara-negara maju 4,242 tan metrik. Di samping itu disebabkan permintaan ke atas bahan sampingan daging babi dan *suckling piglets* tidak dapat dipenuhi oleh pengeluar tempatan, negara terpaksa juga mengimport bahan-bahan tersebut.
9. Malaysia merupakan ahli kepada WTO dan mengamalkan prinsip perdagangan bebas. Peraturan WTO menetapkan bahawa menjadi satu kesalahan sekiranya kita menghalang import dari negara luar tanpa sebarang alasan sanitari dan fitosanitari (SPS) yang kukuh. Namun begitu dalam memastikan produk yang dibawa masuk adalah berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna, syarat-syarat sanitari yang ketat telah ditetapkan dan perlu dipatuhi oleh negara pengimport. JPV mempunyai senarai semak dan pegawai pemeriksa yang terlatih untuk pemeriksaan abatoir di luar negara.
10. Adalah tidak wajar untuk pengguna meragui kualiti daging babi beku yang diimport berdasarkan tindakan-tindakan yang sedia dilaksanakan. JPV sentiasa memastikan daging babi yang diimport itu selamat dan sesuai untuk dimakan. Pengimportan daging babi beku ini tidak seharusnya menjelaskan industri babi tempatan.